

10/06/1997

KLIA guna teknologi kelaran

Izman Ismail

SEPANG, Isnin - Landasan satu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) adalah antara yang paling canggih di rantau ini kerana dilengkapi dengan teknologi kelaran bagi mengelak pesawat tergelincir ketika mendarat atau berlepas, dalam semua keadaan cuaca.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata penggunaan teknologi itu dicadangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas meninjau beberapa lapangan terbang di luar negara.

"Teknologi ini membolehkan permukaan landasan dikelar menggunakan mesin khas yang diimport dari luar negara. Ia dikatakan dapat meningkatkan daya cengkaman tayar kapal terbang ketika mendarat dan berlepas dalam semua keadaan cuaca.

"Di samping itu, ia mempercepatkan aliran air ketika hujan lebat sekali gus mengelakkan pesawat terbabas," katanya dalam sidang akhbar selepas melawat projek KLIA di sini, hari ini.

Ditanya sama ada kerajaan akan menggunakan teknologi yang sama di semua landasan lapangan terbang di negara ini, Dr Ling berkata setakat ini, kerajaan belum bercadang berbuat demikian.

Menurutnya, banyak pertimbangan harus diambil kira termasuk ia tidak boleh dibuat di atas landasan bitumen seperti di kebanyakan lapangan terbang di sini.

Mengenai laporan kelewatan pembinaan tempat letak kereta di KLIA, Dr Ling berkata, kontraktor terbabit memberi jaminan 12,600 tempat letak kereta jangka pendek dan panjang dapat disiapkan sebelum hujung tahun ini.

Sebanyak 6,300 lot adalah bagi tempat letak kereta jangka pendek dan 6,300 untuk jangka panjang. Tempat letak kereta jangka pendek menyediakan kemudahan `check in`, pengurusan bagasi, depot bas dan medan makan.

Dr Ling juga berpuas hati dengan perkembangan projek KLIA dan banyak kemajuan dicapai berbanding lawatannya tiga minggu lalu. Mengenai tarikh sebenar pembukaan KLIA untuk penerbangan komersil, beliau berkata, ia hanya dapat diketahui selepas ujian pendaratan pesawat sebenar pada 15 Oktober ini.

"Kita akan adakan ujian masa bermula dari pendaratan sehingga pesawat masuk ke hangar. Di samping itu, kita juga akan uji semua kemudahan asas yang ada bagi menentukan kelancarannya.

"Kita yakin menjelang Oktober sehingga Disember lebih banyak projek yang akan siap dan sebelum penghujung tahun, ia akan selesai.

"Pengurusan KLIA memberi jaminan kemudahan asas akan siap pada penghujung tahun tetapi tarikh tepat untuk kegunaan komersil akan hanya ditentukan selepas tempoh percubaan," katanya.

(END)